

DS 1.2: Penyediaan Bekalan Elektrik yang Berkualiti dan Berterusan

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Isu gangguan bekalan terputus.
- Keperluan bekalan elektrik yang lebih berkualiti, ekonomikal dan berterusan boleh meningkatkan kesejahteraan dan produktiviti hidup dan ekonomi penduduk setempat.

Komponen Cadangan:

- Menyediakan sistem Hibrid Solar TNB + janakuasa Disel TNB di kedua-dua kampung orang asli di **Kluang**.
- Menaiktaraf kapasiti stesen bekalan elektrik TNB sediaada di **Kg. Tanjung Balang, Pulau Tinggi** dan **Kg. Teluk Berhala, Pulau Aur, Mersing**.
- Pemasangan sistem tenaga solar persendirian di *resort-resort* di kedua-dua pulau di Mersing sebagai alternatif; melalui program subsidi atau geran kerajaan.
- Cadangan penambahan kapasiti bekalan elektrik bagi keseluruhan kawasan pulau-pulau

Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan projek dengan kerjasama awam dan swasta.
- Agensi kerajaan melantik TNB untuk kajian lanjut, rekabentuk, pembinaan stesen, pengujian dan pentauliahan sistem Hibrid Solar + Janakuasa Disel.
- Agensi kerajaan memudahkan proses memberi kebenaran gunatanah untuk tapak pencawang atau stesen Hibrid Solar.
- Cadangan kajian lanjutan bagi penambahan kapasiti bagi semua pulau di Mersing.

Sasaran Pembangunan:

- 100% penduduk desa mendapat bekalan elektrik berkualiti yang berterusan menjelang 2030.
- Selaras dengan sasaran dasar PPMJ 2030 bagi membolehkan 100% penduduk desa menikmati bekalan elektrik 24 jam sehari sepanjang tahun menjelang 2030.
- Selaras dengan aspirasi DPLB 2030 bagi menyediakan bekalan elektrik 24 jam untuk rumah-rumah kampung menjelang tahun 2030.
- Selaras dengan DPF Desa Negara 2030 bagi membolehkan 100% rumah-rumah kampung menerima bekalan elektrik 24 jam samada dari Grid TNB atau Hibrid Solar TNB.

CADANGAN LOKASTI

Cadangan ini melibatkan **8 kampung**.

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Bandar
Batu Pahat	-	-
Kluang	-	1
Mersing	-	7
Jumlah	-	8

AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • JPJK • Pejabat Daerah 	<ul style="list-style-type: none"> • KPLB • TNB • BPEN • SEDA

ANGGARAN KOS

Kos Pembinaan 1:


- RM 3,000,000 (2 kampung orang asli) , Kluang

Kos Pembinaan 2 (Pulau-pulau Mersing)

- Alternatif 1 – naik taraf stesen TNB sediaada/stesen baru - RM 3,000,000 (Pulau Aur) + RM 4,000,000 (Pulau Tinggi) = RM 7,000,000.
- (Alternatif 2 – pemasangan sistem tenaga solar - RM 700,000 (Pulau Aur) + RM 900,000 (Pulau Tinggi) = RM 1,600,000.

- **Jumlah Keseluruhan Kos: RM 14,600,000**

FASA PELAKSANAAN



Penemuan Strategik

Keseluruhan kampung-kampung di kawasan kajian telahpun mendapat perkhidmatan bekalan elektrik.

Sejumlah tujuh (7) kampung di pulau-pulau Mersing dan tiga (3) Kampung Orang Asli di Kluang mendapat bekalan alternatif. Bekalan elektrik di Kg. Teluk Berhala, Pulau Aur dan Kg. Tanjung Balang, Pulau Tinggi, Mersing didapati tidak mencukupi terutamanya di waktu puncak. Ini disebabkan oleh beberapa *resort* berkongsi tenaga elektrik dari sumber bekalan yang sama.

Manakala, satu kampung orang asli di Kluang masih bergantung kepada bekalan dari sumber Janakuasa Disel persendirian dan tidak berterusan selama 24 jam sehari.

Perincian cadangan bagi menaik taraf sumber bekalan elektrik Hibrid Solar TNB adalah seperti berikut:

Kluang (bekalan baru)

- i. Kg. Orang Asli Pucur – 35 kWp

Mersing (tambahan bekalan)

- i. Kg. Teluk Berhala, Pulau Aur – 100 kWp
- ii. Kg. Tanjung Balang, Pulau Tinggi – 130 kWp



Foto: Contoh Stesen Solar Hibrid TNB di Kg. Tanjung Balang, Pulau Tinggi, Mersing.


Dalam usaha mencapai kawasan desa yang sejahtera dan lengkap dengan kemudahan asas infrastruktur, berikut merupakan senarai kampung-kampung yang telah dikenal pasti dan perlu diberikan penekanan segera.

Jadual 5.2: Senarai Kampung yang Perlu Dipertingkatkan Agihan Bekalan Elektrik

Daerah	Mukim	Nama Kampung	Sumber Bekalan	Kapasiti Sediada
Mersing	Pulau Aur	Kg. Teluk Berhala	Hibrid Solar TNB + Janakuasa Disel	40 kWp
		Kg. Teluk Meriam	Hibrid Solar TNB + Janakuasa Disel	20 kWp
	Pulau Besar	Kg. Busong	Hibrid Solar TNB + Janakuasa Disel	35 kWp
	Pulau Pemanggil	Kg. Buau	Hibrid Solar TNB + Janakuasa Disel	40 kWp
	Pulau Sibul	Kg. Duku	Hibrid Solar TNB + Janakuasa Disel	45 kWp
	Pulau Tinggi	Kg. Tanjung Balang	Hibrid Solar TNB + Janakuasa Disel	52 kWp
		Kg. Pasir Panjang	Hibrid Solar TNB + Janakuasa Disel	35 kWp
Kluang	Kahang	Kg. Orang Asli Berasau (KOA)	Janakuasa Disel Persendirian	
		Kg. Orang Asli Sungai Peroh (KOA)	Hibrid Solar TNB + Janakuasa Disel	20 kWp
		Kg. Orang Asli Pucur (KOA)	Janakuasa Disel Persendirian	-

Sumber: Kajian Lapangan dan Sesi Bengkel FGD, 2021

Rajah 5.4: Senarai Kampung yang Perlu Dipertingkatkan Agihan Bekalan Elektrik



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

PETUNJUK:

- Taburan Kampung
- sempadan Daerah
- Jalan Raya
- Lebu Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut
- 1 Kampung cadangan

Kampung Terlibat:

1. Kg. Orang Asli Pucur – 21 unit rumah
2. Kg. Teluk Berhala – 35 unit rumah
3. Kg. Tanjung Balang – 44 unit rumah